

Pulau Pinang tersenarai 10 Destinasi Pelancongan Terbaik Asia 2025



SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI



25 September 2025 03:36pm

Masa membaca: 3 minit



Pulau Pinang tersenarai 10 Destinasi Pelancongan Terbaik Asia 2025.

Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di [Telegram](#) dan [TikTok](#) kami

GEORGE TOWN - Pulau Pinang sekali lagi membuktikan kehebatannya apabila tersenarai dalam 10 Destinasi Pelancongan Terbaik Asia 2025 oleh majalah Travel Asia.

Dalam pengumuman itu, Bangkok, Thailand dinobatkan sebagai destinasi terbaik, diikuti Tokyo, Jepun dan Bali, Indonesia yang berkongsi tempat kedua, dan berada di kedudukan ketiga.

Pulau Pinang pula berkongsi kedudukan ketujuh bersama Bangkok, diikuti Kuala Lumpur, Kemboja manakala Kuala Lumpur di tangga kelapan bersama Phu Quoc, Vietnam dan Maldives.

Sabah turut melengkapkan senarai dengan berada di tempat kesepuluh.

Turut tersenarai, Hotel Eastern & Oriental (E&O) Pulau Pinang yang diiktiraf antara 10 Hotel Perkahwinan Terbaik Asia, sekali gus mengangkat nama negeri ini di peringkat antarabangsa.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Wong Hon Wai berkata, pengiktirafan itu jelas membuktikan Pulau Pinang terus menjadi pilihan utama pelancong serata dunia.

“Kedudukan Pulau Pinang dalam senarai ini amat membanggakan kerana ia menunjukkan usaha kerajaan negeri bersama pemain industri pelancongan membuahkan hasil.

“Selain tarikan budaya, warisan, makanan dan seni bina, faktor hospitaliti serta promosi berterusan turut membantu menjadikan Pulau Pinang antara destinasi paling digemari,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Artikel Berkaitan:

[Pulau Pinang pamer projek RM5 bilion tarik pelabur Jepun](#)

[Pulau Pinang umum kadar baharu cukai tanah, kenaikan antara 29%](#)

[Malaysia destinasi pelancongan perubatan nombor satu dunia](#)

Menurutnya, pencapaian itu juga diyakini mampu menarik pelancong asing ke negeri berkenaan menjelang tahun depan.

“Kami akan terus memperkukuhkan usaha mempromosi Pulau Pinang, bukan sahaja sebagai destinasi pelancongan malah lokasi acara antarabangsa dan perkahwinan bertaraf dunia.

"Tahniah Pulau Pinang," katanya.

Sebelum ini, Pulau Pinang tersenarai dalam kelompok 10 pulau terbaik di rantau Asia Pasifik bagi tahun 2025.



**Berita Telus &
Tulus menerusi
E-Mel setiap
hari!**

Email

Pengiktirafan itu diumumkan dalam Travel + Leisure Luxury Awards Asia Pacific 2025, sebuah portal anugerah berprestij yang menilai dan memberi pengiktirafan kepada bandar dan pulau peranginan terbaik berdasarkan undian pembaca dari seluruh dunia.

Selain Pulau Pinang, destinasi lain yang turut tersenarai termasuk Phuket (Thailand), Phu Quoc (Vietnam), Palawan dan Siam Lampa (Thailand), Sri Lanka dan Sumba (Indonesia).

Pulau Pinang pula disifatkan sebagai destinasi yang bukar bina kolonial, tetapi menawarkan pengalaman gastronomi pelbagai cita rasa dan budaya dunia.

Negeri ini terus menarik pelancong dari pelbagai negara dengan pantainya yang cantik, suasana santai dan pelbagai acara kebudayaan yang mempamerkan identiti Malaysia yang penuh warna-warni.